FAIZAL JUMLI (JAWATANKUASA ESTET DAN DIRI BAGI KHOLIDSOBRI JUMLI (PESAKIT) lwn. AINUL SYAFFIRUL AINUL HADI & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
HASSAN ABDUL GHANI PK
[SAMAN PEMULA NO: CB-24NCVC-54-05-2017]
18 JANUARI 2018

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah – Penghakiman persetujuan – Permohonan deklarasi bahawa penghakiman persetujuan tidak sah dan terbatal – Penghakiman persetujuan dimeterai atas persetujuan bapa pesakit – Sama ada pesakit mempunyai kapasiti untuk bertindak bagi diri sendiri – Sama ada pesakit mengalami kecelaruan mental – Sama ada keadaan pesakit terangkum bawah s. 11 Akta Kontrak 1950 atau A. 76 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 – Sama ada penghakiman persetujuan sah – Sama ada mahkamah functus officio – Sama ada ganti rugi yang diterima bawah penghakiman persetujuan adalah munasabah dan berpatutan*

TORT: *Kecuaian – Kewajipan berjaga-jaga – Firma guaman memeterai penghakiman persetujuan bagi pihak pesakit atas persetujuan bapa pesakit – Sama ada pesakit mempunyai kapasiti untuk bertindak bagi diri sendiri – Sama ada pesakit mengalami kecelaruan mental – Sama ada award yang direkodkan dan dimeterai penghakiman persetujuan munasabah dan berpatutan – Sama ada firma guaman mematuhi kewajipan berjaga-jaga – Sama ada penghakiman persetujuan sah dan mengikat pihak-pihak*

Plaintif, jawatankuasa estet dan diri bagi Kholidsobri bin Jumli ('pesakit'), memohon satu deklarasi bahawa penghakiman persetujuan yang direkodkan dan dimeterai di Mahkamah Sesyen pada 30 April 2014 tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal kerana pesakit tidak mempunyai kapasiti untuk bertindak bagi diri sendiri. Kes ini berkaitan dengan satu kemalangan jalan raya melibatkan sebuah motosikal yang ditunggang oleh defendan pertama dan motosikal satu lagi yang dibonceng oleh pesakit. Akibat kemalangan itu, pesakit mengalami beberapa kecederaan, antaranya, di bahagian kepala. Bapa pesakit yang mewakili pesakit melantik firma guaman defendan ketiga untuk menuntut ganti rugi berkaitan dengan kemalangan jalan raya tersebut. Berikutan tindakan tersebut, penghakiman persetujuan, yang menjadi perkara tindakan ini, direkodkan setelah persetujuan secara bertulis diperoleh daripada bapa kandung pesakit. Jumlah penghakiman sebanyak RM475,000 telah dibayar kepada pihak pesakit pada 6 Jun 2014. Pada 20 Mei 2016, peguam plaintif memperoleh satu perintah menurut Akta Kesihatan Mental 2001 ('Akta') dari Mahkamah Tinggi yang memerintahkan bahawa pesakit adalah seorang yang bercelaru mental dan tidak berupaya menguruskan diri dan hal ehwalnya sendiri sejak kemalangan. Berikutan itu, permohonan ini

yang difailkan pada 2 Mei 2017. Plaintif juga memohon penghakiman persetujuan itu diketepikan dan diberi kebebasan untuk memulakan prosiding bagi menuntut ganti rugi bagi pihak pesakit akibat daripada kemalangan tersebut.

Diputuskan (menolak permohonan plaintif dengan kos):

(1) Peruntukan mandatori statutori adalah seperti yang ditetapkan, antaranya, bawah Akta, bahawa pesakit mestilah dirujuk kepada pakar psikiatri, s. 11 Akta Kontrak 1950 yang memperuntukkan bahawa kontrak yang dimasuki oleh seseorang yang tidak siuman atau tidak waras 'unsound mind' adalah terbatal dan A. 76 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') di mana pesakit yang tidak mempunyai kapasiti hendaklah diwakili oleh jawatankuasa sebagai wakil litigasinya. (perenggan 15)

(2) Berasaskan laporan perubatan, jelas bahawa pesakit bukan seorang yang bercelaru fikirannya. Malahan, doktor pakar neuro tidak menyatakan secara khusus bahawa pesakit mengalami kecelaruan mental. Oleh itu, tiada keperluan untuk pakar neuro defendan-defendan merujuk pesakit kepada pakar psikiatri menurut s. 54 Akta. Peruntukan A. 76 KKM juga tidak terpakai kerana pesakit hanya perlu diwakili oleh wakil litigasi jika dia tidak berkeupayaan. Tahap mental pesakit juga tidak terangkum bawah s. 11 Akta Kontrak kerana dia bukannya tidak siuman atau tidak waras. Pesakit hanya mengalami kehilangan ingatan 'memory impairment' yang tidak terjumlah pada tidak siuman atau tidak waras. (perenggan 18 & 20-22)

(3) Mahkamah mengambil notis kehakiman bahawa terdapat banyak kes di mana pesakit mengalami 'memory impairment' atau 'memory handicapped' tetapi tindakan saman diambil oleh pesakit sendiri, cuma urusannya berkait dengan tuntutan tersebut seperti perlantikan peguam, rujukan kepada pakar neurologi, persetujuan penyelesaian dibuat oleh ibu bapa mereka. Seseorang yang mempunyai 'memory handicapped' tidak semestinya mengalami kecederaan otak yang serius. Ada orang yang otaknya normal tetapi tahap pemikirannya tidak sebanding dengan umurnya juga dianggap sebagai 'memory handicapped'. (perenggan 23)

(4) Memandangkan tahap kesihatan mental pesakit adalah baik, penghakiman persetujuan yang dimasuki oleh defendan ketiga bagi pihak pesakit adalah sah dan sempurna kerana ia tidak bercanggah dan melanggar apa-apa peruntukan mandatori statutori. Oleh itu, penghakiman persetujuan tidak boleh diketepikan kerana mahkamah telah *functus officio*. (perenggan 24)

(5) Penghakiman persetujuan tersebut juga tidak boleh diketepikan kerana ia tidak terangkum bawah fraud, khilaf dan kegagalan balasan. Plaintif tidak pernah membangkitkan keadaan-keadaan ini dalam penghakiman mereka dan dengan itu, penghakiman persetujuan itu tidak boleh diketepikan berasaskan keadaan-keadaan tersebut. Penghakiman persetujuan tersebut telah direkodkan dan dimeterai dengan sempurna. Oleh itu, kes pesakit telah selesai dan mengikat pihak-pihak dan tidak boleh dibuka semula atas prinsip *res judicata*. (perenggan 26 & 27)

(6) Prinsip 'natural justice' dan 'equity' juga tidak terpakai kerana pesakit telah mendapat ganti rugi yang munasabah dan berpatutan. Ayah pesakit sendiri yang menguruskan tuntutan pesakit melalui defendan ketiga. Kemungkinan tahap mental akan menjadi lebih teruk dan kritikal adalah sesuatu yang tidak dapat dijangkakan. Tetapi undang-undang bukan begitu rapuh sehingga membenarkan tindakan dengan merujuk pada laporan pakar perubatan terkini kerana ia akan menjadikan kes berpanjangan dan tiada penghujung. Malahan, plaintif sendiri, dalam afidavitnya, gagal membuktikan bahawa ayah pesakit telah mengabaikan kepentingan pesakit apabila bersetuju dengan penghakiman persetujuan tersebut. Oleh itu, permohonan plaintif, yang tidak berpuas hati dengan jumlah tuntutan yang diterima pesakit, adalah suatu pemikiran semula dan bersifat *mala fide*. (perenggan 28, 29 & 31)

(7) Defendan ketiga berhak merekodkan penghakiman persetujuan bagi pihak pesakit setelah mendapat persetujuan daripada bapa kandung pesakit. Defendan ketiga telah merujuk pesakit kepada pakar neurologi untuk mendapatkan laporan terkini berkaitan dengan tahap kesihatan pesakit. Jumlah award yang direkodkan dan dimeterai dalam penghakiman persetujuan adalah munasabah dan berpatutan seperti yang ditetapkan di bawah Compendium of Personal Injury Awards dan bukan terlalu rendah sehingga pesakit mengalami kerugian yang teruk. Oleh itu, tidak ada pengingkaran tanggungjawab berjaga-jaga oleh defendan ketiga terhadap pesakit. (perenggan 32-35)

Kes-kes yang dirujuk:

Badiaddin Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malaysian Finance Bhd [1998] 2 CLJ 75 FC ***(dibezakan)***

Chew Hon Keong v. Betterproducts Sdn Bhd [2013] 7 MLJ 196 ***(dirujuk)***

Chow Chuan Fat v. Yeo Chai Seng & Ors [2016] 1 LNS 1407 HC ***(dirujuk)***

Doshi v. Yeoh Tiong Lay [1974] 1 LNS 30 FC ***(dirujuk)***

Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid [1980] 1 LNS 92 FC ***(dirujuk)***

Huddersfield Banking Co Ltd v. Hebry Lister & Sons Ltd [1895] 2 Ch 273 ***(dirujuk)***

Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng & Yap Wan Chuan & Ors [1996] 2 CLJ 185 SC ***(dirujuk)***

Lee Sock Goh v. Straits Cabaret (1953) Ltd [1965] 1 LNS 88 HC ***(dirujuk)***

Mayban Allied Bhd v. Kenneth Godfrey Gomez & Anor And Another Appeal [2010] 9 CLJ 702 CA ***(dirujuk)***
Neogh Soo Oh & Ors v. G Rethinasamy [1983] 2 CLJ 218; [1983] CLJ (Rep) 663 HC ***(dirujuk)***
Osman Daud v. Asal Bina Sdn Bhd [2009] 1 LNS 1018 HC ***(dirujuk)***
Re South American and Mexican Co [1895] 1 Ch 37 ***(dirujuk)***
Sathivel Alagarsamy v. Lakshmi Vellasamy [1998] 3 CLJ Supp 343 HC ***(dirujuk)***
Sim Kon Sang Peter v. Datin Shim Tok Keng [1994] 4 CLJ 198 HC ***(dirujuk)***
Victor Cham & Anor v. Loh Bee Tuan [2006] 1 MLRA 861 ***(dirujuk)***
Zaheed Ahmad & Ors v. Tham Poh Theng & Ors [2007] 5 CLJ 643 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Contracts Act 1950, s. 11
Mental Health Act 2001, s. 54
Rules of Court 2012, O. 76 r. 2

Bagi pihak plaintif - Kulasekar & Wan Mohamad Fairuz; T/n K Kulasekar & Assocs
Bagi pihak defendan pertama & kedua - Ashwinder Singh; T/n Azim, Tunku Farik & Wong
Bagi pihak defendan ketiga - Sushalina Md Suhari; T/n Shuhaidi & Co

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Hassan Abdul Ghani PK:

Pengenalan

[1] Plaintif, Faizal bin Jumli, jawatankuasa estet dan diri bagi Kholidsobri bin Jumli (pesakit) memfailkan satu permohonan saman pemula untuk mendapatkan satu deklarasi bahawa penghakiman persetujuan yang direkodkan dan dimeteraikan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Temerloh pada 30 April 2014 tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal kerana pesakit tidak mempunyai kapasiti untuk bertindak bagi diri sendiri.

[2] Mahkamah telah menolak permohonan plaintif dengan kos sebanyak RM1,500 tertakluk kepada alokatur.

Latar Belakang Kes

[3] Kes ini berkaitan dengan satu kes kemalangan jalan raya yang berlaku pada 29 Januari 2013 jam lebih kurang 10.22 malam melibatkan motosikal no. pendaftaran TY 1616 yang ditunggang oleh defendan pertama dan motosikal CAK 4562 yang dibonceng oleh pesakit di KM156, Jalan Kuantan–Kuala Lumpur, Lanchang, Pahang. Akibat daripada kemalangan tersebut, pesakit telah mengalami beberapa kecederaan di antaranya di bahagian kepala.

[4] Pada 12 Mac 2013, bapa pesakit yang bernama Jumli bin Osman telah melantik Tetuan Shuhaidi & Co (defendan ketiga) untuk mewakili pesakit bagi menuntut ganti rugi-ganti rugi yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya tersebut. Defendan ketiga telah memfailkan writ saman dan penyataan tuntutan terhadap defendan pertama dan defendan kedua melalui Saman No. A53KJ-41-05-2013.

[5] Pada 30 April 2014, defendan ketiga telah merekodkan penghakiman persetujuan sebanyak RM475,000 berserta dengan kos di Mahkamah Sesyen Temerloh setelah mendapat persetujuan secara bertulis daripada bapa kandung pesakit melalui surat yang bertarikh 29 April 2014. Jumlah penghakiman tersebut telah dibayar kepada pihak pesakit pada 6 Jun 2014.

[6] Pada 20 Mei 2016, peguam plaintif telah memfailkan Saman Pemula No. 24NCVC-31-04-2016 dan memperolehi satu perintah menurut Akta Kesihatan Mental 2001 daripada Mahkamah Tinggi Temerloh (perintah Mei) yang memerintahkan bahawa pesakit adalah seorang yang bercelaru mental dan tidak berupaya menguruskan diri dan hal ehwalnya sendiri sejak dari hari kemalangan yang berlaku pada 29 Januari 2013 dan Rahana binti Md Lela telah dilantik sebagai jawatankuasa estet dan diri bagi pesakit yang diberi kuasa untuk memulakan prosiding bagi menuntut ganti rugi bagi pihak pesakit berhubung dengan kecederaan yang dialami oleh pesakit akibat kemalangan jalan raya tersebut.

[7] Pada 11 November 2016 (perintah November) plaintif iaitu abang kandung kepada pesakit telah memperolehi satu perintah bahawa beliau dilantik sebagai jawatankuasa ganti bagi estet dan diri pesakit menggantikan Rahana binti Md Lela yang telah meninggal dunia pada 7 Jun 2016.

[8] Pada 2 Mei 2017, plaintif telah memfailkan Saman Pemula No: CB-24NCVC-54-05-2017 untuk mendapatkan satu deklarasi bahawa penghakiman persetujuan yang direkodkan dan dimeteraikan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Temerloh pada 30 April 2014 adalah tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal. Saman No: A53KJ-41-05-2013 adalah tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal memandangkan prosiding bagi kes tersebut adalah terbatal dari awal kerana pesakit tidak mempunyai kapasiti untuk bertindak bagi diri sendiri dalam tindakan saman tersebut.

[9] Faizal bin Jumli, jawatankuasa estet dan diri bagi pesakit juga memohon penghakiman persetujuan itu diketepikan dan diberi kebebasan untuk memulakan prosiding bagi menuntut ganti rugi bagi pihak pesakit disebabkan oleh kemalangan jalan raya tersebut.

Penghujahan Peguam Cara Plaintif

[10] Dalam penghujahan bertulisnya, peguam cara plaintif telah berhujah di antara lain seperti berikut:

(a) Perintah Mei dan November 2016 kekal utuh dan keterangan *prima facie*

(i) Peguam cara plaintif berhujah melalui perintah Mei dan November 2016, Mahkamah Tinggi Temerloh telah mendapati pesakit adalah seorang yang bercelaru mental dan tidak berupaya menguruskan diri dan hal ehwalnya sejak dari hari kemalangan yang berlaku pada 29 Januari 2013 sehingga sepanjang hayatnya. Penghakiman persetujuan dengan defendan pertama dan defendan kedua di bawah Guaman No. A53KJ-41-05-2013 adalah tidak sah dan terbatal di sisi undang-undang kerana pesakit mengalami ketidakupayaan mental pada masa itu. Justeru peguam cara memohon deklarasi untuk penghakiman persetujuan diketepikan di bawah bidang kuasa semula jadi mahkamah.

(ii) Peguam cara telah merujuk buku *Chitty On Contracts*, vol. 1: General Principles (27th edn) di mana penulis menyatakan:

> … it is probable that treatment for mental disorder under the Mental Health Act 1983 or a finding of a judge of the Court of Protection that the contracting party was incapable of managing and administering his property and affairs would constitute *prima facie* evidence of mental disorder. But the absence of any such treatment or finding could hardly be treated as even *prima facie* evidence of capacity where there is any evidence of mental disorder.

(iii) Peguam cara plaintif juga berhujah, perintah mahkamah ini adalah satu perintah yang harus dihormati dan harus dipatuhi.

(b) Penghakiman persetujuan terbatal kerana ketidakupayaan mental pesakit untuk memasuki kontrak

(i) Peguam cara plaintif berhujah penghakiman persetujuan adalah terbatal kerana pesakit tidak mempunyai keupayaan mental dan tidak berkompeten untuk memasuki kontrak pada masa yang material. Pesakit tidak boleh melantik, memberikan arahan kepada defendan ketiga dan memberikan kuasa kepada peguam untuk berkompromi dalam tindakan guaman tersebut bagi pihak pesakit yang diturunkan dalam bentuk penghakiman persetujuan bertarikh 30 April 2014.

A (ii) Peguam cara berhujah waran untuk bertindak dan perjanjian persetujuan telah ditandatangani oleh bapa pesakit iaitu bukan pihak/litigan dalam guaman tersebut.

(iii) Peguam cara mengatakan fakta bahawa defendan ketiga terpaksa mendapatkan persetujuan bapa pesakit sebelum penghakiman
B persetujuan direkodkan menguatkan hujahan plaintif bahawa pesakit adalah seorang yang bercelaru mental walaupun sebelum perintah Mei oleh mahkamah ini.

(iv) Peguam cara berhujah kesan penghakiman persetujuan adalah satu perjanjian di antara pihak litigan dalam prosiding mahkamah dan
C bukan di antara peguam cara mahupun ahli keluarga litigan. Beliau telah merujuk kes *Khaw Poh Chuan v. Ng Gaik Peng & Yap Wan Chuan & Ors* [1996] 2 CLJ 185; [1996] 1 MLJ 761 di mana Peh Swee Chin FCJ, telah mengguna pakai prinsip yang telah dinyatakan dalam kes *Huddersfield Banking Co. Ltd. v. Hebry Lister*
D *& Sons Ltd* [1895] 2 Ch 273 seperti yang berikut:

> … A consent order is an order of the court carrying out an agreement between the parties. It is used to be thought at one time that only a ground of fraud could cause a consent order to be set aside. It is now well settled that a consent order can be set aside
E on the same grounds as those on which an agreement may be set aside, see again *Huddesfield Banking Co* …

(v) Peguam cara berhujah oleh kerana penghakiman persetujuan boleh diketepikan atas alasan yang sama untuk mengetepikan satu perjanjian atau kontrak, maka penghakiman persetujuan telah
F terbatal kerana pesakit tidak berupaya semasa memasuki penghakiman persetujuan tersebut.

(vi) Peguam cara juga merujuk s. 11 Akta Kontrak 1950 yang memperuntukkan seseorang yang tidak waras adalah tidak berkompeten untuk berkontrak dan mengatakan penghakiman
G persetujuan tersebut terbatal dari awal. Beliau telah merujuk kes *Sim Kon Sang Peter v. Datin Shim Tok Keng* [1994] 4 CLJ 198; [1994] 2 MLJ 517 di mana Ian Chin J memutuskan bahawa:

> … since s 11 of the Act covers not only cases relating to the age of majority but also cases of unsoundness of mind, the decision
H in *Tan Hee Juan v. Teh Boon Keat & Anor*, though a decision in respect of a want of age, applies equally to a case relating to unsoundness of mind. Therefore, if the Act applies to the present case, it means that any contract made by a person of unsound mind is void and not merely voidable ...

I

(vii) Peguam cara plaintif juga berhujah perlu wujud *'consensus ad idem'* di antara pesakit dengan defendan pertama dan defendan kedua untuk memberi kesan kepada penghakiman persetujuan dan seterusnya mengikat pihak-pihak. Memandangkan pesakit tidak berkeupayaan dari segi mental untuk berkontrak, penghakiman persetujuan itu adalah tidak sah dan terbatal mewajarkan ia diketepikan '*ex debito justitiae*'. Peguam cara telah merujuk kes *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malaysian Finance Bhd* [1998] 2 CLJ 75; [1998] 1 MLJ 393 di mana Peh Swee Chin FCJ telah memutuskan:

> … The grounds referred to for setting aside a consent order of a judgment by consent are grounds which basically relate to *consensus ad idem* or the free consent of parties to a binding agreement or contract. It is elementary that if it is proved that there are grounds which vitiate such free consent, the agreement is not binding. Now a consent order or a judgment by consent is undoubtedly based on an agreement of both parties where consent to the agreement must or should have been free in the first place. If the agreement upon which a consent order or judgment by consent is based is vitiated by any ground recognised in equity as vitiating such free consent, such as fraud, mistake, total failure of consideration (see *Huddersfield Banking Co Ltd v. Henry Lister & Sons* [1895] 2 Ch 273 and the cases cited therein), such a perfected consent order or judgment by consent could be set aside in a fresh action filed for the purpose. Grounds which would vitiate such free consent should also include misrepresentation, coercion, and undue influence and other grounds in equity …

(viii) Peguam cara plaintif menghujahkan melihat kepada keupayaan mental pesakit, pesakit tidak pernah sama sekali wujud sebagai satu entiti yang sah dari segi undang-undang sejak dari hari kemalangan berlaku berkaitan dengan tindakan yang dimulakan terhadap defendan pertama dan defendan kedua dalam guaman tersebut.

(ix) Peguam cara plaintif sekali lagi telah merujuk kes *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor (supra)* di mana Mohd Azmi FCJ memutuskan seperti yang berikut:

> ... For my part, I must hasten to add that apart from breach of rules of natural justice, in any attempt to widen the door of the inherent and discretionary jurisdiction of the superior courts to set aside an order of court *ex debito justitiae* to a category of cases involving orders which contravened 'any written law', the contravention should be one which defies a substantive statutory prohibition so as to render the defective order null and void on ground of illegality or lack of jurisdiction …

A (c) Ketiadaan bidang kuasa

(i) Peguam cara plaintif berhujah pesakit tidak mempunyai kapasiti bagi maksud di bawah A. 76 KKM 2012 bermula dari masa guaman itu didaftarkan sehinggalah penghakiman persetujuan direkodkan pada 30 April 2014 di Mahkamah Sesyen Temerloh.

B

(ii) Peguam cara mengatakan prosiding mahkamah yang dimulakan dalam guaman tersebut jelas melanggar kehendak wajib peraturan prosedur di bawah A. 76 k. 2 KKM 2012 kerana pesakit tidak diwakili oleh jawatankuasa sebagai wakil litigasinya yang menjadikan penghakiman persetujuan tidak sah dan terbatal.

C

(iii) Justeru mahkamah mempunyai bidang kuasa semula jadi untuk mengetepikan penghakiman persetujuan Mahkamah Sesyen yang secara jelas bertentangan dengan undang-undang bertulis iaitu A. 76 KKM 2012.

D (d) Perintah Mei sepatutnya diperolehi awal-awal lagi oleh Tetuan Shuhadi & Co dengan mendapatkan laporan pakar psikiatri.

(i) Peguam cara plaintif berhujah defendan ketiga, defendan pertama dan defendan kedua berpeluang membaca kesemua laporan perubatan pesakit tetapi gagal mengenal pasti bahawa pesakit adalah

E pesakit menurut s. 54 Akta Kesihatan Mental 2001.

(ii) Defendan ketiga sepatutnya mengaturkan supaya pesakit diperiksa atau dinilai oleh pakar psikiatri untuk menentukan keupayaan mentalnya.

F (iii) Seksyen 54 Akta Kesihatan Mental 2001 jelas memperuntukkan hanya pakar psikiatri sahaja yang dibenarkan oleh Akta ini untuk membantu mahkamah dalam menentukan sama ada orang yang didakwa bercelaru mental adalah tidak berupaya menguruskan diri dan hal ehwalnya sendiri disebabkan oleh kecelaruan mentalnya.

G (iv) Seksyen 54 Akta Kesihatan Mental 2001 memperuntukkan:

Section 54. Power to examine person alleged to be mentally disordered.

1. At any time the application for the inquiry is made, the Court may:

H

(a) require the applicant to produce the person alleged to be mentally disordered at such time and place as the Court may appoint, for the purpose of being personally examined by the Court or by a psychiatrists from whom the Court may desire to have a report of his mental

I capacity and condition; and

(b) ....

(2) The psychiatrist making a report under paragraph (1) (a) in respect of the person alleged to be mentally disordered shall consider …

(e) *Functus officio* dan *res judicata*

(i) Peguam cara plaintif berhujah mahkamah tidak *functus officio* dan prinsip *res judicata* tidak terpakai kerana permohonan untuk mengetepikan penghakiman persetujuan adalah atas sebab ketaksahan perintah mahkamah atau berada dalam lingkungan pengecualian kes *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor (supra)* di mana Gopal Sri Ram JCA memutuskan:

> … It is therefore clear, in light of the principles established by high authority, that a court of unlimited jurisdiction, even in the absence of an express enabling provision, has inherent power to set aside its orders made in breach of written law. The ends of justice will not be met if such a power did not exist. And the procedural branch of the broad and flexible doctrine of estoppel known as *res judicata* finds no place in such a circumstance. Neither has the *functus officio* theory, which, upon close examination is merely part and parcel of the doctrine of *res judicata*, any role to play in the case …

(f) Prosedur

(i) Peguam cara plaintif berhujah tindakan baru yang dimulakan untuk membatalkan penghakiman persetujuan adalah satu tindakan yang betul dari segi prosedurnya. Beliau telah merujuk kes *Khaw Poh Chuan v. Ng Gaik Peng & Yap Wan Chuan & Ors* [1996] 2 CLJ 185; [1996] 1 MLJ 761 yang memutuskan:

> … A perfected consent order can only be set aside in a fresh action filed for the purpose: see *Huddersfield Banking Co Ltd v. Henry Lister & Sons Ltd* [1895] 2 Ch 273 …

Penghujahan Peguam Cara Defendan Pertama Dan Defendan Kedua

[11] Peguam cara defendan pertama dan defendan kedua berhujah permohonan plaintif untuk mengetepikan penghakiman persetujuan tidak harus dibenarkan kerana:

(i) Mahkamah telah *"functus officio"* selepas penghakiman persetujuan dimeteraikan. Beliau telah merujuk kes *Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid* [1980] 1 LNS 92; [1981] 1 MLJ 143 FC dan *Chew Hon Kong v. Betterproducts Sdn Bhd* [2013] 7 MLJ 196 yang memutuskan seperti yang berikut:

A

1) The learned judge was *functus officio*

2) The Court had no power under any application in the same action to alter, vary or set aside a judgment regularly obtained after it had been entered or an order after it has been drawn up, except under the slip rule, so far as is necessary to correct errors in expressing the intention of the court unless it is judgment by default or made in the absence of a party at a trial or hearing.

B

3) If the judgment or order has been obtained by fraud or where further evidence which could not be possibly have been adduced at the original hearing is forthcoming, a fresh action will lie to impeach the original judgment.

C

(ii) Plaintif iaitu jawatankuasa estet dan diri bagi Kholidsobri bin Jumali hanya diperintahkan pada tahun 2016, oleh itu tidak ada *locus standi* untuk mengetepikan penghakiman persetujuan yang direkodkan pada tahun 2014 kerana tidak ada bukti yang plaintif mempunyai kuasa untuk mewakili Kholidsobri pada tahun 2014.

D

(iii) Ayah Kholidsobri telah bersetuju untuk melantik Tetuan Shuhaidi & Co untuk mewakili Kholidsobri dan menerima jumlah penghakiman tersebut. Lihat eks. "SMS1" dan "SMS4" dalam afidavit defendan ketiga.

E

(iv) Permohonan untuk mengetepikan penghakiman persetujuan hanya dibuat selepas tiga tahun ia direkodkan dan dimeteraikan.

(v) Tetuan Shuhaidi & Co boleh bersetuju dengan terma penghakiman persetujuan. Dalam afidavit balasannya, Tetuan Shuhaidi & Co telah memperolehi persetujuan dari anak guamnya sebelum merekodkan penghakiman persetujuan. Dalam kes *Sathivel Alagarsamy v. Lakshmi Vellasamy* [1998] 3 CLJ Supp 343, mahkamah memutuskan "A judgment obtained by consent of counsel in court in a matter within counsel's authority and consent cannot form the subject matter of the appeal. If with his client's authority and consent, counsel agrees to an order and there is no mistake or surprise the client cannot arbitaraly withdraw his/her consent." Oleh kerana anak guam telah bersetuju untuk merekodkan penghakiman persetujuan, maka plaintif tidak boleh memohon untuk mengetepikan penghakiman persetujuan tersebut.

F

G

H

(vi) Peguam cara defendan pertama dan kedua berhujah pesakit bukanlah seorang yang bercelaru mental berdasarkan Akta Kesihatan Mental 2001 pada tahun 2014. Peguam cara mengatakan pakar neuro surgeri tidak pernah mengatakan bahawa pesakit seorang yang berkecelaruan mental mengikut Akta tersebut.

I

(vii) Peguam cara telah memetik dapatan doktor pakar dalam laporan pakar defendan pertama dalam afidavit jawapan defendan pertama dan kedua yang menyatakan "He was able to turn his head and look towards me and noded, gesturing that he understood what was being said to him".

(viii) Plaintif gagal memaklumkan niat beliau untuk dijadikan jawatankuasa estet Kholidsobri bin Jumli kepada defendan pertama dan defendan kedua dan Syarikat Tokio Marine Insurance Malaysia Berhad. Plaintif telah bertindak secara *mala fide* dan menyembunyikan fakta selepas penghakiman persetujuan direkodkan pada tahun 2014.

(ix) Peguam cara berhujah selepas penghakiman persetujuan direkodkan dan dimeteraikan, kes yang telah diselesaikan secara persetujuan tidak boleh dibicarakan dalam tindakan lain kerana tertakluk kepada prinsip *res judicata*. Beliau telah merujuk kes *Re South American and Mexican Co* [1895] 1 Ch 37 dan *Lee Sock Goh v. Straits Cabaret (1953) Ltd* [1965] 1 LNS 88; [1965] 2 MLJ 3. Dalam kes *Lee Sock Goh* mahkamah memutuskan "It is clear that from the above case when a judgment is given by consent of the parties, the court gives judicial sanction and coercive authority to what the parties have settled between themselves, and covers a mere agreement into a judgment on which a plea of estoppel *per rem* judication may be founded".

(x) Peguam cara juga mengatakan defendan pertama dan kedua akan prejudis sekiranya permohonan ini dibenarkan kerana bayaran penghakiman persetujuan telah pun dibuat kepada defendan ketiga pada 6 Jun 2014.

[12] Penghujahan peguam cara defendan ketiga

(a) Peguam cara defendan ketiga mengambil pendirian yang sama dengan peguam cara defendan pertama dan defendan kedua bahawa permohonan plaintif untuk mengetepikan penghakiman persetujuan tidak berasas kerana mahkamah telah *functus officio* selepas penghakiman persetujuan direkodkan dan dimeteraikan dengan merujuk kes *Hock Hua Bank (supra)*.

(b) Peguam cara berhujah pesakit bukanlah seorang yang bercelaru mental berdasarkan Akta Kesihatan Mental 2001 pada tahun 2014.

(i) Peguam cara mengatakan pesakit telah dirujuk kepada pakar neurologi pilihan defendan ketiga pada 1 Oktober 2013 iaitu selepas sembilan bulan pesakit mengalami kemalangan. Selepas itu beliau dirujuk kepada pakar neurologi pilihan defendan pertama dan kedua pada 17 Mac 2014 selepas satu tahun dua bulan pesakit ditimpa kemalangan.

(ii) Setelah meneliti keseluruhan kandungan laporan pakar, sehingga pada 17 Mac 2014, dokor pakar neurologi pilihan defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga tidak mengesahkan pesakit mengalami masalah hilang ingatan dan kecelaruan mental seperti maksud di bawah Akta Kesihatan Mental 2001. Berasaskan kepada laporan-laporan itu, kesemua defendan bersetuju bahawa pesakit tidak disahkan mengalami kecelaruan mental. Oleh kerana tahap mental pesakit berada dalam keadaan normal, maka defendan-defendan bersetuju pesakit tidak perlu dirujuk kepada pakar psikiatri pada masa tersebut.

(iii) Pada masa penghakiman persetujuan direkodkan, pesakit mempunyai kapasiti untuk bertindak bagi pihak diri sendiri.

(iv) Justeru, tidak ada keperluan untuk pesakit memulakan tindakan saman terhadap defendan-defendan melalui jawatankuasa yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi untuk mewakili pesakit sebagai wakil litigasi dalam prosiding ini dan atas sebab itu penghakiman persetujuan direkodkan atas nama pesakit sendiri dan ia adalah sah di sisi undang-undang.

(v) Oleh kerana tidak ada bantahan di pihak pesakit mahupun keluarga pesakit pada masa itu di atas isu tersebut, maka kes pesakit diteruskan oleh defendan ketiga tanpa mendapatkan sebarang perintah di Mahkamah Tinggi bagi melantik jawatankuasa bagi mewakili pesakit.

(vi) Justeru itu adalah prejudis kepada defendan ketiga apabila plaintif merujuk pesakit kepada doktor pakar pilihan plaintif dua tahun selepas penghakiman persetujuan direkodkan dan melampirkan laporan perubatan pakar pilihan plaintif dalam permohonan plaintif bagi mendapatkan perintah untuk dilantik sebagai jawatankuasa estet dan diri kepada pesakit.

(c) Peguam cara berhujah permohonan plaintif adalah *mala fide* kerana ia hanya dibuat tiga tahun selepas penghakiman persetujuan direkodkan. Peguam cara mempersoalkan niat dan tujuan plaintif memfailkan saman pemula untuk perintah Mei dan perintah November. Peguam cara berhujah jika niat dan tujuan plaintif adalah semata-mata untuk melindungi kepentingan dan kebajikan pesakit, mengapa semasa kes pesakit diteruskan oleh defendan ketiga pada 12 Mac 2013 sehingga ke tarikh penghakiman persetujuan direkodkan pada 30 April 2014, tidak ada mana-mana ahli keluarga pesakit khususnya plaintif sendiri tampil

membuat bantahan terhadap perlantikan defendan ketiga oleh bapa kandung plaintif dan juga bantahan terhadap penghakiman persetujuan direkodkan.

(d) Tempoh masa yang diambil oleh plaintif tidak munasabah dan menunjukkan bahawa sebenarnya plaintif tidak berpuas hati dengan jumlah penghakiman persetujuan yang direkodkan dan dimeteraikan dan bukan kerana pesakit tidak mempunyai kapasiti untuk bertindak bagi diri sendiri dan hanya boleh bertindak melalui wakil litigasi sahaja.

(e) Penghakiman persetujuan direkodkan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen dengan kehadiran defendan ketiga setelah mendapat persetujuan bertulis daripada bapa pesakit sendiri. Oleh kerana defendan ketiga telah dilantik atas persetujuan bapanya sendiri, maka defendan ketiga boleh bersetuju di atas terma penghakiman persetujuan dengan merujuk kes yang sama, *Sathivel Alagrasamy (supra).*

(f) Perintah Mei dan November 2016 belum diperolehi oleh plaintif semasa penghakiman persetujuan itu direkod dan dimetraikan. Oleh itu penghakiman persetujuan adalah sah dan berkuat kuasa di sisi undang-undang.

(g) Penghakiman persetujuan adalah sah di sisi undang-undang dan ia bukan void *ab initio*. Walaupun plaintif berkali-kali menegaskan perintah Mei dan November 2016 menyatakan pesakit adalah seorang yang bercelaru mental dan tidak berupaya menguruskan diri sendiri dan hal ehwalnya sejak hari kemalangan pada 29 Januari 2013, semasa penghakiman persetujuan direkodkan, tiada sebarang laporan pakar yang mengesahkan pesakit adalah seorang yang bercelaru mental sejak daripada hari kemalangan. Justeru itu, perintah Mei dan November 2016 tidak boleh dikuatkuasakan untuk mengetepikan penghakiman persetujuan kerana ia direkodkan sebelum perintah Mei dan November 2016.

Keputusan Mahkamah

[13] Dalam kes *Chow Chuan Fat v. Yeo Chai Seng & Ors* [2016] 1 LNS 1407, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> … there are least 5 circumstances wherein the High Court may exercise its exceptional jurisdictiction to set aside an earlier perfected judgment or order of the High Court (which has not been appealed to the Court of Appeal):
>
> (1) when the sealed judgment or order has been made without jurisdiction (1st Vitiating Circumstance). In this regard, s. 44 of the Evidence Act 1950 (EA) provides the statutory basis for the application of the 1st. Vitiating Circumstance …

A (2) when the perfected judgment or order has been obtained by way of fraud or collusion as stated in s. 44 EA (2nd Vitiating Circumstance)…

(3) when the sealed judgment or order has been obtained in contravention of a mandatory statutory prohibition (3rd Vitiating Circumstance) …

B (4) when there is a breach of the first rule of natural justice, namely when the perfected judgment or order may be impugned on the ground of biasness (4th Vitiating Circumstance) …

(5) when there is a breach of the second rule of natural justice, namely when a party has been deprived of his or her right to be heard before C the judgment or order is pronounced (5th Vitiating Circumstance) …

[14] Dalam kes ini, mahkamah berpendapat sama ada mahkamah boleh atau tidak boleh mengetepikan penghakiman persetujuan yang direkodkan dan dimeteraikan terjatuh di bawah keadaan (1) dan (3) iaitu adakah D Mahkamah Sesyen tidak mempunyai bidang kuasa untuk merekodkan penghakiman persetujuan tersebut dan adakah penghakiman persetujuan itu diperolehi dengan melanggar peruntukan mandatori statutori.

[15] Pada pendapat mahkamah, peruntukan mandatori statutori adalah seperti yang telah ditetapkan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 yang E memperuntukkan bahawa pesakit mestilah dirujuk kepada pakar psikiatri, s. 11 Akta Kontrak 1950 yang mengatakan kontrak yang dimasuki oleh seseorang yang tidak siuman atau tidak waras 'unsound mind' adalah terbatal dan A. 76 KKM 2012 di mana pesakit yang tidak mempunyai kapasiti hendaklah diwakili oleh jawatankuasa sebagai wakil litigasinya.

F **Adakah Mahkamah Boleh Mengetepikan Penghakiman Persetujuan**

[16] Mahkamah berpendapat isu yang paling utama dalam kes ini iaitu sama ada mahkamah boleh mengetepikan penghakiman persetujuan kerana ia bertentangan dengan peruntukan mandatatori statutori adalah berkaitan G dengan laporan pakar neourologi yang dikemukakan oleh defendan-defendan. Adakah dapatan pakar neurosurgeri defendan-defendan mewujudkan satu situasi di mana pesakit harus dirujuk kepada pakat psikiatri seperti yang dihujahkan oleh peguam cara plaintif menurut Akta Kesihatan Mental 2001. Adakah penghakiman persetujuan yang dimasuki oleh pesakit terbatal menurut s. 11 Akta Kontrak 1950 kerana pesakit seorang yang tidak waras H atau tidak siuman dan mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk merekodkan penghakiman persetujuan atas alasan kehendak wajib A. 76 KKM 2012 tidak dipatuhi kerana pesakit seorang yang tidak berkeupayaan dan tidak boleh mengambil tindakan sendiri dan perlu diwakili oleh wakil litigasi.

I

[17] Untuk menyelesaikan isu ini, mahkamah berpendapat adalah perlu untuk mahkamah merujuk kepada afidavit jawapan defendan ketiga berkait dengan keadaan mental pesakit semasa dirujuk kepada pakar neurologi mereka.

(i) Di perenggan 11, deponen mengatakan seperti berikut:

> 11. Memandangkan Pesakit ada mengalami kecederaan dibahagian kepala, Defendan Ketiga telah merujuk Pesakit kepada doctor pakar neurologi pilihan Defendan Ketiga iaitu Doktor Sing Kim Hock di Pantai Medical Centre pada 1.2.2013. Merujuk kepada laporan pakar khususnya di muka surat 2 para 6 doktor pakar manyatakan "currently, Encik Kholidsobri bin Jumali remains wheelchair bound, with left hemiparesis, being unable to walk, and has severe speech diffilculties. He requires assistance in a lot of his daily activities'. Di muka surat 3 para 3 beliau menyatakan "his understanding is good but speech is slurred. Limited to only cries and calls for assistance. Hearing is impaired on both ears". Seterusnya doktor pakar membuat kesimpulan "he is permanently physically, mentally and emotionally handicapped, as a result of the injuries sustained and is now a wheelchair bound, requiring assistance for his daily activities'.

(ii) Di perenggan 12, deponen mengatakan seperti berikut:

> 12. Setelah laporan pakar tersebut diserahkan kepada pihak peguam Defendan Pertama dan Defendan Kedua, pihak peguam Defendan Pertama telah merujuk Pesakit kepada pakar neurologi pilihan mereka di Sunway Medical Centre pada 17.3.2014 iaitu selepas 1 tahun 2 bulan Pesakit mengalami kemalangan jalanraya ... Laporan pakar Defendan Pertama dan Kedua di muka surat 2 menyatakan 'the above mentioned was examined in Sunway Medical Centre on 17/3/2014 for the purpose or preparing this specialist medical report. The patient was examined on a 'face-to-face' basis in the presence of his parents.' … 'the patient' had bobbing of his head. He clearly demonstrated difficuilty with expressing himself. He was severly dysarthric and I was unable to understand what he was saying. He was able to turn his head and look towards me and nodded, gesturing that he understood what was being said to him. I quickly tested to see if he was obeying commands. The patients could put up his right hand and show me two fingers when I asked him to do so. History was taken from his parents. The father said that the patient was studying in the Year 2 level at 'International College Automative Malaysia'. When I asked the parents what 'IKIM' was, they were unable to explain. The patient then turned towards his parents and gestured for his mobile phone. He then held his mobile

A phone in his right hand and attempted to key in the words, which he apparently usually does when he was trying to express himself. He however was unable to complete himself.'

Seterusnya di muka surat 4 perenggan 4, doktor pakar ada menyatakan yang 'the patient nodded when asked if he had a sense of smell.

B

[18] Berasaskan kepada laporan perubatan tersebut, mahkamah berpendapat pesakit bukanlah seorang yang bercelaru fikirannya. Doktor pakar neuro tidak ada menyatakan secara khusus pesakit telah mengalami kecelaruan mental.

C

[19] Pesakit masih memberikan tindak balas bila ditanya dengan menganggukkan kepala menunjukkan beliau memahami apa yang ditanya. Jika pesakit tidak waras dan tidak siuman sudah tentu beliau tidak boleh memahami apa yang ditanya oleh pakar dan mematuhi sesuatu arahan yang diberikan kepadanya. Pesakit sendiri telah mengangkat tangan kanannya dan
D dua jarinya apabila disuruh oleh pakar tersebut. Tidak pula apabila diarah mengangkat tangan, pesakit mengangkat kaki atau tidak berbuat apa-apa. Bahkan pesakit sendiri telah memberi isyarat kepada ibu bapanya untuk memberikan kepadanya telefon bimbit. Dia boleh menangis dan memanggil seseorang untuk mendapatkan bantuan menunjukkan dia sedar dengan apa
E yang berlaku. Dia tidak mengalami kecelaruan mental. Jika celaru mental, dia akan berteriak tanpa sebab.

[20] Berasaskan kepada afidavit defendan ketiga di atas, oleh kerana keadaan mental pesakit adalah masih waras dan tidak bercelaru mental, maka pada pendapat mahkamah tidak ada keperluan kepada pakar neuro defendan-
F defendan untuk merujuk pesakit kepada pakar psikiatri menurut s. 54 Akta Kesihatan Mental 2001.

[21] Mahkamah juga berpendapat peruntukan A. 76 KKM 2012 juga tidak terpakai kerana pesakit hanya perlu diwakili oleh wakil litigasi jika dia tidak berkeupayaan. Tahap mental pesakit juga tidak terjatuh di bawah s. 11 Akta
G Kontrak kerana dia bukannya tidak siuman atau tidak waras.

[22] Mahkamah juga dapati s. 11 Akta Kontrak tidak terpakai ke atas pesakit kerana tahap mental pesakit bukannya tidak siuman atau tidak waras. Kesemua tindakan pesakit termasuklah cuba mengendalikan telefon
H bimbitnya membuktikan pesakit masih boleh berfikir. Beliau hanya mengalami kehilangan ingatan 'memory impairment' yang tidak terjumlah kepada tidak siuman atau tidak waras.

I

[23] Adalah menjadi notis kehakiman bahawa terdapat banyak kes di mana pesakit mengalami 'memory impairment' atau 'memory handicapped' tetapi tindakan saman diambil oleh pesakit sendiri cuma urusannya berkait dengan tuntutan tersebut seperti perlantikan peguam, rujukan kepada pakar neurologi, persetujuan penyelesaian dibuat oleh ibu bapa mereka. Seseorang yang handicapped tidak semestinya mengalami kecederaan otak yang serius. Ada orang yang otaknya normal tetapi tahap pemikirannya tidak sebanding dengan umurnya juga dianggap sebagai memory handicapped.

[24] Memandangkan tahap kesihatan mental pesakit adalah baik, maka mahkamah berpendapat penghakiman persetujuan yang dimasuki oleh defendan ketiga bagi pihak pesakit adalah sah dan sempurna kerana ia tidak bercanggah dan melanggar apa-apa peruntukan statutori mandatori. Oleh itu penghakiman persetujuan tidak boleh diketepikan kerana mahkamah telah *functus officio*, *Hock Hua Bank (supra).*

[25] Dalam kes *Chew Hon Keong v. Betterproducts Industries Sdn Bhd* [2013] 7 MLJ 196, mahkamah memutuskan:

> … Once a judgment has been properly and regularly drawn up and perfected that order cannot be altered, varied or set aside except under the slip rule. Upon perfection of the order, the Court is *functus officio*.

[26] Mahkamah juga berpendapat bahawa penghakiman persetujuan ini tidak boleh diketepikan kerana ia tidak terjatuh di bawah keadaan-keadaan seperti yang diputuskan dalam kes *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor (supra)* iaitu frod, khilaf, kegagalan balasan 'total failure of consideration'. Oleh kerana peguam cara plaintif sendiri tidak pernah membangkitkan keadaan-keadaan ini dalam afidavit mereka, penghakiman persetujuan tidak boleh diketepikan berasaskan kepada keadaan-keadaan tersebut.

[27] Oleh kerana penghakiman persetujuan yang telah direkodkan dan dimeteraikan adalah sempurna, maka kes pesakit telah selesai dan mengikat pihak-pihak, *Osman Daud v. Asal Bina Sdn Bhd* [2009] 1 LNS 1018; [2010] 9 MLJ 840 dan mahkamah telah *functus officio*, *Badiaddin Mohd Mahidin & Anor (supra)*. Kes ini juga tidak boleh dibuka semula atas prinsip *res judicata*, *Mayban Allied Bhd v. Kenneth Godfrey Gomez & Anor And Another Appeal* [2010] 9 CLJ 702; [2011] 5 MLJ 219 CA.

[28] Mahkamah juga berpendapat prinsip natural justice dan equiti tidak terpakai kerana pesakit telah mendapat ganti rugi yang munasabah dan berpatutan. Bahkan ayah pesakit sendiri yang menguruskan tuntutan pesakit melalui defendan ketiga. Ayah pesakit adalah seorang pesara yang sebelum ini bertugas sebagai Penolong Pegawai Kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia. Berasaskan kepada latar belakang pekerjaannya dan hubungan kekeluargaan, mahkamah tidak fikir seorang ayah sanggup mengabaikan

kepentingan anaknya apabila bersetuju dengan defendan ketiga untuk merekodkan dan memeteraikan penghakiman persetujuan tersebut. Plaintif sendiri dalam afidavitnya gagal membuktikan ayah pesakit yang juga merupakan ayah kandungnya sendiri telah mengabaikan kepentingan pesakit apabila bersetuju dengan penghakiman persetujuan tersebut.

[29] Berasaskan kepada latar belakang kes ini, mahkamah berpendapat permohonan plaintif adalah suatu pemikiran semula dan bersifat *mala fide* kerana tidak berpuas hati dengan jumlah tuntutan yang diterima oleh pesakit. Walau apapun, dalam kes ini adalah jelas bahawa bapa kandung pesakit yang bertanggungjawab menguruskan tindakan ini bagi pihak pesakit bezanya ialah beliau tidak dilantik sebagai jawatankuasa bagi pesakit dan diri menurut s. 54 Akta Kesihatan Mental 2001. Mahkamah tidak fikir ayah pesakit akan bersetuju jika terma-terma yang dipersetujui tidak adil kepada anaknya. Tambahan pula anaknya berada dalam keadaan yang sebegitu.

[30] Berasaskan kepada "SSM1" dan "SSM4", dari peringkat awal ayah pesakit telah menguruskan kes ini bagi pihak pesakit dengan menandatangani surat perlantikan peguam cara, menghantar pesakit berjumpa dengan pakar neuro, membincang dan menerima tawaran ganti rugi bagi pihak pesakit sehinggalah penghakiman persetujuan direkodkan. Jika sekiranya pesakit memerlukan wakil litigasi, ayah pesakit adalah orang yang paling layak mewakili pesakit berbanding plaintif yang hanya memainkan peranan setelah adiknya terlantar selama tiga tahun selepas kemalangan jalan raya.

[31] Mahkamah harus berhati-hati dalam kes ini untuk membuat suatu keputusan kerana dalam keadaan pesakit yang mengalami kecederaan otak, tahap mental dan kesihatan mereka adalah sesuatu yang sukar diduga. Kemungkinan tahap mental akan menjadi lebih teruk dan kritikal adalah sesuatu yang tidak dapat dijangkakan. Oleh itu kemungkinan ganti rugi yang diawardkan adalah tidak mencukupi berasaskan kepada tahap kesihatan terkini adalah sesuatu yang boleh dijangkakan. Jika begitu keadaannya, maka kes akan sentiasa berpanjangan dan tidak ada penghujungnya. Peguam cara akan mencari berbagai alasan untuk menjustifikasikan tuntutannya dengan merujuk kepada laporan pakar perubatan terkini. Mahkamah tidak fikir undang-undang begitu rapuh 'fragile' sehingga membenarkan tindakan yang sedemikian.

[32] Mahkamah juga berpendapat defendan ketiga telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna berasaskan kepada kewajipan berjaga-jaga oleh peguam cara terhadap anak guamannya, *Victor Cham & Anor v. Loh Bee Tuan* [2006] 1 MLRA 861, *Neogh Soo Oh & Ors v. G. Rethinasamy* [1983] 2 CLJ 218; [1983] CLJ (Rep) 663. Peguam cara telah merujuk pesakit kepada pakar neurologi untuk mendapatkan laporan terkini berkait dengan tahap kesihatan pesakit. Peguam cara telah berusaha untuk berbincang

dengan peguam cara bagi pihak insuran iaitu Tokio Marine Insurans (M) Berhad dan merekodkan penghakiman persetujuan dengan persetujuan bapa pesakit sendiri. Dapatan peguam cara bahawa pesakit tidak perlu dirujuk kapada pakar psikiatri adalah berasaskan kepada dua laporan perubatan pakar neuro bukan satu laporan pakar neuro sahaja.

[33] Mahkamah juga berpendapat jumlah award seperti yang direkodkan dan dimeteraikan dalam penghakiman persetujuan adalah munasabah dan berpatutan seperti yang ditetapkan di bawah Compendium of Personal Injury Awards. Ianya bukanlah terlalu rendah yang menyebabkan pesakit mengalami kerugian yang teruk.

[34] Justeru itu, mahkamah dapati tidak ada pengingkaran tanggungjawab berjaga-jaga oleh defendan ketiga terhadap pesakit bersesuaian dengan prinsip undang-undang dalam kes *Doshi v. Yeoh Tiong Lay* [1974] 1 LNS 30; [1975] 1 MLJ 85, *Zaheed Ahmad & Ors v. Tham Poh Theng & Ors* [2007] 5 CLJ 643.

[35] Defendan ketiga berhak untuk merekodkan penghakiman persetujuan bagi pihak pesakit setelah mendapat persetujuan daripada bapa kandung pesakit, *Sathivel Alagrasamy v. Lakshmi Vellasamy (supra).*

Konklusi

[36] Berasaskan kepada latar belakang kes ini, mahkamah memutuskan mahkamah tidak ada bidang kuasa sedia ada untuk mengetepikan penghakiman persetujuan yang telah direkodkan dan dimeteraikan kerana ia adalah sempurna dan sah berasaskan kepada tahap mental pesakit pada tahun 2014.

[37] Oleh yang demikian, mahkamah telah menolak permohonan plaintif dengan kos sebanyak RM1,500 tertakluk kepada alokatur.